

03/03/2003

Umum awal calon wajar dibincang di peringkat parti

Misiah Taib

KUALA LUMPUR: Cadangan untuk mengumumkan lebih awal nama calon Umno di seluruh negara pada pilihan raya umum akan datang perlu dibawa dan dibincangkan di peringkat parti, bukannya dibincangkan secara terbuka memandangkan ia adalah strategi parti.

Rata-rata pemimpin dan ahli Majlis Tertinggi Umno juga menganggap isu berkenaan tidak harus dibangkitkan lagi sehinggalah Naib Presiden parti, Tan Sri Muhammad Muhd Taib, yang ditugaskan mengkaji perkara itu menyiapkan laporan mengenainya.

Bulan lalu, Presiden parti, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, mengarahkan Muhammad untuk mengkaji kewajaran cadangan mengumumkan calon pilihan raya lebih awal di Kelantan dan Terengganu, selepas cadangan mengenainya dibangkitkan.

Ahli Majlis Tertinggi Umno yang juga Timbalan Menteri Pendidikan, Datuk Abdul Aziz Shamsuddin, berkata cadangan itu wajar dibincangkan dalam Majlis Kerja Tertinggi (MKT) Umno dengan mengambil kira pandangan pemimpin dan ahli parti di semua peringkat.

Katanya, MKT perlu membincangkan perkara itu secara terperinci dan mengemukakan hasilnya kepada pucuk kepimpinan parti.

"Perdana Menteri selaku presiden parti pula boleh membawanya ke Mesyuarat Barisan Nasional (BN) jika perlu. Buat masa sekarang saya rasa kita serahkan dulu kepada Muhammad untuk menyiapkan laporan mengenainya sebelum dibawa kepada pucuk kepimpinan parti," katanya kepada Berita Harian.

Semalam, Ahli Parlimen Gua Musang, Tengku Razaleigh Hamzah mencadangkan nama calon Umno di seluruh negara pada pilihan raya umum akan datang diumumkan lebih awal untuk memastikan kemenangan BN.

Langkah itu kata beliau, mampu mengelakkan pihak tertentu menggunakan faktor ketidakseragaman langkah yang diambil Umno sebagai alasan jika tewas pada pilihan raya.

Awal Februari lalu, Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kelantan, Datuk Mustapa Mohamed mengumumkan cadangan Umno Kelantan menamakan calonnya lebih awal bagi memberi lebih banyak masa kepada rakyat Kelantan untuk mengenali pemimpin mereka.

Susulan dari itu, bulan lalu juga Tengku Razaleigh telah menyarankan supaya pengumuman lebih awal itu dibuat di Kelantan dan Terengganu supaya rakyat

akan mempunyai banyak masa untuk mengenali dan berasa selesa mendekati pemimpin mereka dalam usaha membantu parti mengukuhkan kedudukannya.

Seorang lagi Ahli Majlis Tertinggi Umno, Datuk Anuar Musa, yang turut dihubungi semalam berpendapat cadangan berkenaan akan lebih banyak membawa keburukan berbanding kebaikan kepada parti.

Namun katanya, ia juga bergantung kepada definisi lebih awal yang dimaksudkan itu sebelum Parlimen dibubarkan atau selepas Parlimen dibubarkan.

"Bagi saya, kalau pengumuman nama calon dibuat lebih awal selepas Parlimen dibubarkan berbanding sehari sebelum hari penamaan calon seperti yang diamalkan sebelum ini, ia mungkin wajar dilakukan.

"Kalau lebih awal itu bermaksud dibuat ketika tarikh pembubaran Parlimen belum lagi diketahui...itu mencari nahas namanya, kerana ia boleh dianggap sebagai sengaja mendedahkan calon kita kepada serangan pembangkang," katanya.

Anuar berkata, tindakan sedemikian tentunya akan memberi kelebihan kepada pembangkang dan meletakkan tekanan kepada calon BN itu sendiri.

Beliau berkata, harapan orang ramai juga tentunya terlalu tinggi jika nama calon diumumkan terlalu awal dan mungkin calon itu sendiri tidak boleh menangani tekanan berkenaan sehingga akan menyebabkan dia menjadi kurang popular.

Biar apapun kata beliau, adalah lebih baik untuk menunggu hasil laporan yang akan dikemukakan oleh Muhammad yang kini ditugaskan membuat kajian mengenainya sebelum ia dibincangkan dengan lebih mendalam.

Sementara itu, Muhammad yang dihubungi berkata, beliau masih dalam proses mendapatkan maklum balas berhubung cadangan berkenaan daripada pemimpin Umno di pelbagai peringkat di Kelantan dan Terengganu.

"Tugas saya seperti diamanahkan pucuk pimpinan parti ialah untuk mengkaji cadangan Badan Perhubungan Umno Kelantan yang mahu nama calon diumumkan lebih awal.

"Sebaik selesai mengumpul segala maklumat perlu, saya akan mengemukakan laporan mengenainya kepada presiden parti dan Timbalannya, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi," katanya.

Beliau berkata, tidak ada tempoh diberikan untuk beliau menyiapkan laporan berkenaan kerana ia memerlukan kajian secara terperinci supaya apa juga tindakan yang diambil kelak membawa manfaat kepada Umno.

Mengenai cadangan Tengku Razaleigh supaya cadangan itu diperkenalkan di seluruh negara jika didapati ada kesesuaian, beliau berkata, perkara itu sewajarnya di bincangkan dalam parti dan tidak seharusnya dibincang secara terbuka.

Justeru, beliau enggan mengulas mengenai cadangan berkenaan dan mahu memberi tumpuan kepada tugas yang diamanahkan bagi mengkaji kesesuaian pelaksanaannya di peringkat negeri Kelantan dan Terengganu terlebih dulu.